

BAB LIMA

PENUTUP

BAB 5

PENUTUP

Dalam bab ini, penyelidik akan membuat rumusan secara keseluruhan hasil kajian yang telah diperolehi. Seterusnya, penyelidik mencadangkan beberapa langkah alternatif demi untuk meningkatkan tahap kefahaman dan komitmen kakitangan awam terhadap prinsip-prinsip pengurusan Islam. Akhir sekali, turut dibincangkan ialah beberapa cadangan kepada pengkaji akan datang agar dapat dijadikan panduan sebelum memulakan kajian.

5.1 RUMUSAN

Berdasarkan kepada kajian ini secara keseluruhan, didapati bahawa terdapat 10 kesimpulan yang boleh dibuat ke atas hasil kajian ini.

Pertama, Islam kaya dengan pelbagai bentuk bahan rujukan berkaitan ilmu-ilmu pengurusan. Perbincangan awal tentang sejarah dan perkembangan pengurusan Islam dalam Bab Dua menunjukkan bahawa sumber rujukan bagi ilmu pengurusan Islam ini cukup luas sekali. Kitab-kitab hasil kajian tokoh-tokoh Islam yang bermula pada abad ke-7 telah dibukukan dengan sistematik agar mudah dijadikan rujukan untuk generasi seterusnya. Kupasan dan perbahasan berkaitan ilmu pengurusan dalam Islam telah banyak didokumentasikan dan sehingga kini masih lagi dikaji dan dibukukan oleh sarjana Islam kontemporari.

Ini membuktikan bahawa ilmu pengurusan Islam ini kaya dengan pelbagai bentuk bahan rujukan.

Kedua, walaupun ilmu-ilmu berkaitan pengurusan Islam ini kaya dengan pelbagai bentuk bahan rujukan tetapi bahan-bahan rujukan ini tidak dimanfaatkan sebaiknya. Dalam membicarakan isu yang berkaitan dengan sumber-sumber rujukan pengurusan Islam, didapati bahawa kebanyakan responden tidak memiliki atau menyimpan sebarang bentuk bahan rujukan berkenaan pengurusan Islam. Ini bererti, kewujudan pelbagai bentuk kitab dan buku dalam pasaran tidak dimanfaatkan dengan baik oleh responden. Di sini jelas menunjukkan masih kurangnya usaha yang dilakukan bagi merujuk kajian-kajian ilmiah yang telah dibuat oleh sarjana-sarjana Islam. Tidak ramai responden yang berminat untuk membaca dan mendalami ilmu-ilmu pengurusan ini. Hasil tinjauan juga mendapati responden memandang mudah ilmu pengurusan ini dan banyak menggunakan 'logik akal' dalam menguasainya. Sikap ini turut mempengaruhi perasaan tidak berminat untuk mendalami ilmu berkaitan pengurusan Islam.

Ketiga, berdasarkan tinjauan yang dibuat, dapat dirumuskan juga bahawa teori pengurusan Barat lebih mendapat tempat dan dijadikan sebagai panduan dalam melaksanakan tugas-tugas organisasi. Tidak dapat dinafikan bahawa kebanyakan responden lebih terdedah dengan teori-teori pengurusan Barat. Ini boleh juga dikaitkan dengan silibus bidang pengurusan di Universiti yang banyak menekankan teori-teori pengurusan dari Barat.

Keempat, dapat dirumuskan bahawa kajian mengenai pengurusan Islam ini masih lagi di peringkat awal. Walaupun ilmu pengurusan Islam ini telah lama didokumentasikan dan secara kronologinya bermula lebih awal iaitu sebelum kemunculan teori-teori pengurusan dari Barat, namun kesan dari penjajahan dan beberapa faktor lain menjadikan orang Islam turut terpengaruh dan mengamalkan budaya hidup yang tidak selari dengan kehendak Islam. Ilmu-ilmu berkaitan pengurusan Islam ini mula dikaji semula dan dijadikan sebagai model alternatif bermula pada abad ke-19 dan mula mendapat tempat semenjak awal abad ke-20. Ia adalah kesan dari pengaruh gelombang kebangkitan Islam yang telah diterajui oleh tokoh-tokoh agama Timur Tengah dan Indo-Pakistan termasuklah Muhamad Jamaluddin Al-Afghani, Muhammad Abduh, Syed Rasyid Rida dan lain-lain.

Selanjutnya yang kelima, daripada perbincangan dalam Bab Ketiga, antara lain dapat dirumuskan bahawa pelaksanaan dan pengamalan prinsip-prinsip pengurusan Islam ini banyak bergantung kepada seseorang pemimpin pada sesuatu waktu. Di Malaysia, perbezaan ini jelas antara seorang pemimpin, dengan pemimpin yang lain. Ini kerana, kecenderungan, keutamaan dan keyakinan seseorang pemimpin itu berbeza dan ia banyak mempengaruhi cara mereka menguruskan sektor awam sesebuah negara.

Keenam, dapat dirumuskan bahawa proses Islamisasi dalam sektor awam di Malaysia hanya berlaku dengan lebih tersusun dan sistematik setelah negara mencapai kemerdekaan pada tahun 1957. Ini terbukti dengan beberapa penyelarasan yang dilakukan oleh kerajaan terhadap fungsi-fungsi Jabatan Agama Islam di peringkat negeri. Seterusnya beberapa usaha yang dilakukan seperti penubuhan Badan Perunding Islam, Pusat Islam, kewujudan Universiti Islam, pelancaran Dasar-dasar Penerapan Nilai-nilai Islam dan sebagainya yang turut melambangkan komitmen besar kerajaan untuk memartabatkan Islam di Malaysia.

Ketujuh, rumusan seterusnya ialah berkaitan sikap kakitangan awam sendiri yang tidak serius dalam mendalami ilmu-ilmu pengurusan Islam. Ini kerana responden tidak mampu melihat kepentingannya dalam mencorakkan sesebuah organisasi. Sikap seperti ini perlu diubah agar perubahan dapat dilakukan dalam organisasi mahupun dalam diri setiap individu.

Kelapan, kerajaan juga dilihat tidak serius dalam membuat penilaian terhadap pelaksanaan Dasar Penerapan Nilai-nilai Islam dalam sektor awam. Ini kerana, melalui tinjauan yang dibuat, usaha-usaha penerapan nilai-nilai Islam hanya dikeluarkan melalui pekeliling-pekeliling tanpa ada sebarang pengawasan dan penilaian. Pada pandangan penyelidik, keadaan ini adalah suatu bentuk kelemahan yang ketara dari segi pelaksanaan.

Kesembilan, seperti yang dibincangkan dalam Bab Keempat sebelum ini, dapat dirumuskan bahawa tahap kefahaman responden terhadap prinsip-prinsip pengurusan Islam berada pada tahap yang sederhana sahaja. Ini menunjukkan bahawa prinsip-prinsip pengurusan Islam masih belum dikuasai dan difahami secara menyeluruh oleh responden. Tahap sederhana yang diperolehi ini tidak boleh dipandang sebagai satu pencapaian yang baik kerana ia melambangkan tahap penguasaan yang masih kurang memuaskan di kalangan kakitangan perkhidmatan awam.

Kesepuluh, rumusan yang boleh dibuat ialah, semua responden mempunyai tanggapan yang positif terhadap prinsip-prinsip pengurusan Islam. Secara umumnya, semua responden bersetuju dan yakin untuk melaksanakan prinsip-prinsip pengurusan Islam ke dalam organisasi walaupun mereka masih tidak begitu faham akan konsep menyeluruh mengenai pengurusan Islam. Ini kerana, mereka cukup optimis terhadap apa-apa juga elemen Islam yang ingin disalurkan ke dalam urusan kerja mereka.

5.2 CADANGAN

5.2.1 Cadangan untuk meningkatkan tahap kefahaman

Secara umumnya, tahap kefahaman responden terhadap prinsip-prinsip pengurusan Islam masih di peringkat sederhana sahaja. Terdapat pelbagai usaha boleh dilakukan untuk membantu kakitangan perkhidmatan awam

meningkatkan tahap kefahaman mereka terhadap prinsip-prinsip pengurusan Islam.

Pendedahan tentang prinsip-prinsip pengurusan Islam ini boleh dibuat melalui pelbagai saluran. Peranan kerajaan secara langsung dalam meningkatkan tahap kefahaman ini amat penting sebagai satu saluran formal yang perlu diberikan kepada semua kakitangan kerajaan. Melalui INTAN, Pusat Islam dan Institut Pengajian Tinggi, satu usaha untuk meningkatkan ilmu tentang pengurusan berteraskan Islam harus dibuat secara tegas dan intensif. Ini penting kerana ia melambangkan keseriusan pihak kerajaan untuk mengamalkan prinsip-prinsip Islam dalam pengurusan dan pentadbiran organisasi.

Media juga dilihat sebagai salah satu saluran penting yang boleh digunakan dalam mendidik masyarakat keseluruhannya berkaitan ilmu-ilmu pengurusan Islam. Televisyen, radio, majalah dan suratkhabar adalah antara contoh media massa yang mampu memainkan peranannya dalam membantu melahirkan masyarakat yang berpengetahuan dan berilmu. Melalui rancangan-rancangan seperti diskusi di televisyen, mahupun beberapa artikel berkaitan dengan pengurusan Islam di majalah, media dilihat mampu membantu kerajaan dalam usaha untuk meningkatkan tahap kefahaman masyarakat Malaysia terhadap prinsip-prinsip pengurusan Islam dengan lebih berkesan lagi.

Selain media, peranan persatuan agama dalam organisasi juga perlu diiktiraf kerana ia dapat membantu dalam merangka beberapa program yang boleh meningkatkan tahap kefahaman kakitangan perkhidmatan awam terhadap prinsip-prinsip pengurusan Islam. Persatuan ini perlu dilihat sebagai kumpulan yang mampu membawa manfaat dan perubahan besar dalam memberi pendedahan secara menyeluruh tentang prinsip-prinsip pengurusan Islam. Kepercayaan yang total perlu diberikan kepada persatuan-persatuan agama ini dalam konteks menyalurkan bantuan kewangan kerana segala usaha yang dilakukan adalah untuk kebaikan semua pekerja. Kajian ini menunjukkan aktiviti dalam persatuan keagamaan banyak membantu meningkatkan pengetahuan responden terhadap prinsip-prinsip pengurusan Islam.

Kempen membaca bahan-bahan mengenai pengurusan Islam di tempat kerja juga adalah satu tindakan yang wajar untuk dilaksanakan. Organisasi dicadangkan untuk menyediakan satu ruang perpustakaan mini dengan menempatkan pelbagai jenis buku yang boleh meningkatkan tahap kefahaman responden terhadap prinsip-prinsip pengurusan Islam. Beberapa bentuk program yang bersifat perbincangan dan kupasan buku boleh dilakukan pada masa-masa yang difikirkan sesuai seperti selepas sembahyang Asar, di awal pagi sebelum memulakan tugas dan sebagainya. Ini bagi membantu golongan yang kurang berminat membaca untuk turut mendapatkan ilmu yang sama.

Institusi keluarga juga boleh memainkan peranan dalam meningkatkan pengetahuan dan penghayatan terhadap prinsip-prinsip pengurusan Islam. Nasihat dan bimbingan yang diberikan oleh ibubapa amat penting bagi meningkatkan komitmen anaknya terhadap Islam dan sekaligus mendalamai prinsip-prinsip dan nilai-nilai umum dalam pengurusan Islam.

Universiti sebagai sebuah gedung ilmu juga dilihat dapat memainkan peranan penting dalam usaha untuk meningkatkan pengetahuan terhadap prinsip-prinsip pengurusan Islam. Melalui sibus-sibus bidang pengurusan, ciri-ciri asas dan teori-teori pengurusan Islam boleh diketengahkan dengan lebih sistematis lagi agar mampu melahirkan lebih ramai graduan yang berpengetahuan dalam bidang pengurusan Islam.

5.2.2 Saranan kepada kakitangan Perkhidmatan Awam

Semua kakitangan perkhidmatan awam hendaklah mempertingkatkan lagi komitmen mereka terhadap Islam dan sekaligus mendalamai ilmu-ilmu yang berkaitan dengan pengurusan Islam. Ini penting agar segala yang dilakukan adalah menjadi ibadah yang boleh membawa kebaikan kepada diri mereka sendiri. Usaha untuk meningkatkan komitmen terhadap Islam dalam apa sahaja yang dilakukan perlu dibuat secara konsisten dan bersungguh-sungguh. Proses pembinaan diri ini penting agar dapat menjadi model dan contoh kepada kakitangan yang lain.

5.2.3 Cadangan kepada pengkaji akan datang

Adalah diharapkan agar hasil kajian ini dapat dijadikan panduan kepada pihak tertentu yang merancang untuk mengetengahkan prinsip-prinsip pengurusan Islam secara total dalam pentadbiran organisasi. Hasil kajian ini juga diharap dapat dijadikan bahan rujukan bagi kajian-kajian akan datang. Beberapa saranan diberikan agar pertimbangan dapat dilakukan untuk memantapkan lagi kajian akan datang.

- I. Kajian ini hanya mengkaji secara umum mengenai tahap kefahaman dan corak tanggapan responden terhadap prinsip-prinsip pengurusan Islam. Bagi kajian yang akan datang, dicadangkan untuk turut mengkaji tahap perlaksanaan prinsip-prinsip pengurusan Islam secara menyeluruh dalam perkhidmatan awam.
- II. Kajian ini hanya melibatkan kakitangan yang beragama Islam sahaja. Untuk kajian yang akan datang, dicadangkan agar turut melibatkan golongan yang bukan Islam untuk mendapat maklumat tentang tahap kefahaman dan tanggapan mereka terhadap prinsip-prinsip pengurusan Islam.
- III. Kajian ini hanya dilakukan di dalam organisasi kerajaan di Putrajaya sahaja. Dengan ini dicadangkan agar dipelbagaikan pemilihan Jabatan kerajaan ke seluruh negara supaya dapat melibatkan beberapa persekitaran kerja yang berbeza dan mengkaji perkaitan antara tahap kefahaman responden dengan persekitaran yang berbeza.